

## Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Remaja B40 di sekitar Lembah Klang

SHahrul Nazmi Sannusi

Fauziah Ibrahim

Azianura Hani Shaari

Nasrudin Subhi

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Isu remaja dan penggunaan media sosial kini menjadi suatu aspek penting yang perlu dikaji kerana ia merupakan medium komunikasi yang digunakan oleh golongan muda masakini untuk mengakses maklumat dengan mudah dan pantas. Walau bagaimanapun, penggunaan media sosial yang belebihan dan tidak terkawal boleh menyebabkan berlakunya masalah sosial dan implikasi negatif terhadap remaja khasnya mereka yang berada dalam kumpulan B40. Maka, tujuan artikel ini adalah untuk (1) mengukur tahap penggunaan media sosial dan (2) mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan media sosial khususnya remaja B40 yang menetap di perumahan rakyat (PPR). Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini dengan melibatkan survei ke atas 244 orang remaja yang tinggal di perumahan Rakyat Desa Rejang, Pantai Ria dan Seri Pantai. Hasil analisis regresi mendapati bahawa faktor-faktor seperti tingkah laku prososial, keselamatan persekitaran perumahan, kesihatan seksual dan semangat perpaduan perlu dipertingkatkan dengan mengadakan program yang dapat mengalakkan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di PPR. Selain itu, kajian ini menunjukkan golongan remaja B40 yang tinggal di kawasan PPR ini masih berada di tahap sederhana. Melalui hasil kajian ini juga, empat aspek utama iaitu peningkatan kesihatan diri, meningkatkan hubungan kejiranan, mengukuhkan tingkah laku prososial dan memperkasakan semangat perpaduan berupaya melonjakkan semangat perpaduan dalam kalangan remaja. Hasil kajian ini boleh memberikan implikasi positif khususnya kepada pihak berkepentingan seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia dalam usaha untuk meningkatkan tahap penggunaan media sosial secara positif khusus untuk remaja B40 yang tinggal di PPR.

**Kata kunci:** *Remaja, perumahan rakyat, media sosial, tingkah laku prososial, perpaduan.*

## The Use of Social Media Among B40 Adolescents in Klang Valley

### ABSTRACT

Adolescent issues and the use of social media is now an important area of study as it is a medium of communication used by young people to access information quickly and easily. However, excessive use of social media can lead to social problems and negative implications for adolescents especially those in the B40 group. Therefore, the purpose of this article is to (1) measure the level of social media usage and (2) identify factors influencing social media usage especially among B40 adolescents living in public housing estates (PPR). A quantitative approach was used in this study by looking at a survey of 244 adolescents living in public housing in Desa Rejang, Pantai Ria and Seri Pantai. Results of the regression analysis found that factors such as prosocial behaviour, security within housing environment, sexual health and the spirit of solidarity should be enhanced by establishing programs that encourage the use of social media among

adolescents in the PPR. In addition, this study shows that B40 adolescents living in the PPR are still at a moderate level. Through the results of this study, four key aspects, such as improving personal health, enhancing neighborhood relationships, strengthening prosocial behaviors and strengthening the spirit of solidarity can help foster a sense of unity among adolescents. The results of this study could have positive implications particularly for the Ministry of Communications and Multimedia Malaysia in an effort to increase the level of positive social media use among B40 adolescents living in PPR.

**Keywords:** Adolescents, housing estates, social media, prosocial behavior, unity.

#### PENGENALAN

Pengaruh media massa khususnya media sosial dalam mempengaruhi tingkah laku sosial masyarakat tidak dapat dinafikan kesannya. Sohana (2016) menyatakan kemajuan teknologi sesebuah negara dapat dilihat melalui pesatnya pembangunan industri komunikasi dan maklumatnya. Namun, setiap individu memiliki tahap pengaruh media massa yang berbeza. Keadaan ini berlaku kerana perbezaan budaya telah mempengaruhi sikap serta hubungan sosial mereka setiap hari. Perubahan sosial secara positif dan sebaliknya juga banyak dipengaruhi oleh gelombang globalisasi yang berlaku di sekitar mereka, sekaligus membentuk pemikiran yang bersifat inklusif terhadap sebarang pembaharuan yang wujud di sekeliling mereka.

Ketika ini, gaya kehidupan masyarakat dunia telah banyak dipengaruhi oleh teknologi yang berasaskan internet. Menurut Riffe, Lacy dan Varouhakis (2008), internet mempunyai empat kelebihan berbanding media konvensional. Yang pertama, ciri penyampaian maklumat yang lebih pantas. Kedua adalah internet membolehkan penggunaanya berinteraksi secara bersemuka dan interaktif. Ketiga adalah internet membolehkan maklumat multimedia disebarluaskan secara dalam talian. Keempat pula teknologi internet dapat menawarkan kos yang lebih efektif berbanding menggunakan platform telekomunikasi konvensional. Kesemua kelebihan ini jelas menunjukkan bahawa internet menjadi satu bentuk evolusi proses penyediaan dan penghantaran maklumat yang efektif tanpa menggunakan kertas.

Setakat penghujung 2016, Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendedahkan sejumlah 21.1 juta rakyat Malaysia menggunakan internet. Antara pilihan utama mereka menggunakan saluran internet dalam kehidupan sehari-hari adalah untuk tujuan permainan video, berhubung dengan rakan-rakan serta pencarian maklumat. Normah Mustaffa et al. (2013) dalam kajiannya berjaya menunjukkan sebahagian besar remaja yang tinggal di kawasan Lembah Kelang menggunakan internet khususnya *Facebook* untuk tujuan sosial seperti tujuan hiburan dan mendapatkan maklumat.

Kajian Normah Mustaffa et al. (2013) menunjukkan bahawa remaja khususnya yang tinggal di Lembah Kelang banyak bergantung kepada Internet untuk memahami persekitaran sosial, untuk berinteraksi dan juga memenuhi keperluan sosial berbanding keperluan sendiri. *Facebook* merupakan laman jaringan sosial yang paling digemari untuk aktiviti berbual dan mendapatkan sumber hiburan.

Kajian Jens Olav Bjornson, dalam Adham Shadan (2010) mendapati bahawa rangkaian *Facebook* dan *Friendster* mempunyai elemen atau perasaan memiliki (*sense of belonging*) yang tinggi dalam kalangan remaja di negara ini. Kajian juga mendapati bahawa laman blog menjadi pilihan utama dalam kalangan golongan ini selain laman sosial.

Walau bagaimanapun, Johari dan Raja Shahrina (2012) yang mengkaji tentang remaja dan kaitan dengan ketagihan Internet menunjukkan paras ketagihan terhadap internet kalangan pelajar tidak terlalu tinggi dan laman web sosial seperti *Facebook* menjadi pilihan utama mereka. Kajian juga menunjukkan bahawa wujudnya korelasi di antara ketagihan internet dalam kalangan pelajar dengan tahap sosioekonomi ibu bapa mereka.

Justeru, walaupun diakui media sosial mampu memberikan impak dan telah mengubah cara berkomunikasi khususnya kepada golongan remaja, ia belum mampu mempengaruhi tingkah laku sosial mereka kerana ini banyak bergantung kepada sistem sosial yang mengelilingi mereka. Selain itu, media sosial juga lebih digunakan oleh golongan remaja untuk berbual bersama kenalan selain sekadar hiburan.

### KEBANGKITAN MEDIA SOSIAL

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, media sosial menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian kita. Ia seperti jenis media lain seperti televisyen, akhbar, dan radio tetapi ia jauh lebih daripada sekadar idea dan perkongsian maklumat. Alat media sosial termasuk *Facebook*, *Twitter*, *Blog*, dan *Flickr* telah memudahkan idea bertukar dan mencipta dengan cara yang begitu luas dan cepat daripada media tradisional (Shahjahan & Chisty, 2014).

Media sosial adalah alat dan platform untuk membincangkan pendapat dan isu berbangkit yang membolehkan mereka bertukar atau berkongsi idea, maklumat, video, imej, dan banyak perkara antara satu sama lain melalui rangkaian tertentu (Siddiqui & Singh, 2016). Media membantu orang ramai untuk membentuk pendapat, mendapatkan maklumat, dan membuat keputusan mengenai beberapa isu. Ia membolehkan mereka maklum dan sedar mengenai peristiwa di seluruh dunia dengan menekan jari digajet masing-masing. Media sosial mendapat perhatian berjuta-juta pengguna dan menarik mereka untuk mengintegrasikan laman media sosial dalam kehidupan seharian mereka. Walau bagaimanapun, penggunaan laman web ini mempunyai kedua-dua manfaat dan kemudaratannya (Rajeev, 2015)

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, media sosial menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian kita. Ia sama seperti televisyen, akhbar, dan radio tetapi ia jauh lebih daripada sekadar idea dan perkongsian maklumat. Aplikasi media sosial termasuk *Facebook*, *Twitter*, *Blog*, dan *Flickr* telah memudahkan idea bertukar dan mencipta dengan cara yang begitu luas dan cepat daripada media tradisional (Shahjahan & Chisty, 2014).

Kebelakangan ini, aspek kehidupan kita telah banyak dipengaruhi oleh perkembangan teknologi canggih yang mempunyai kesan negatif dan positif terutama pada remaja kerana mereka mudah berubah dan boleh dipengaruhi dalam beberapa cara. Remaja kebanyakannya terdedah kepada beberapa jenis jenayah dalam talian. Menyedari penggunaan dan tingkah laku mereka di Internet dan bahaya mempunyai akses internet yang tidak terkawal, ia mungkin membantu untuk memupuk tindakan yang bertanggungjawab untuk meminimumkan akibat yang tidak diingini ini.

Oleh itu, agensi kerajaan, penguatkuasa undang-undang, ibu bapa, pendidik, dan kelab sosial perlu memainkan peranan yang penting untuk memberi kesedaran yang mencukupi untuk remaja mengenai penggunaan Internet (Al-Badi, Al Mahrouqi & Ali, 2016).

Perkhidmatan Rangkaian Sosial (SNS) meraih populariti dalam kalangan generasi muda, dan menjadi sebahagian daripada pengalaman dalam kehidupan seharian mereka. Perkhidmatan Rangkaian Sosial menjadi sebahagian besar daripada kehidupan seharian belia, dan penggunaannya untuk mengakses secara jangka masa panjang untuk berkongsi pemikiran, komen, idea, mengenai situasi kontemporari yang berkat rapat dengan kehidupan seharian mereka (Choudhary & Saha, 2015).

Pada masa ini, teknologi berasaskan internet membolehkan kewujudan media sosial ini lebih relevan. Ia ditambah lagi dengan sambungan yang lebih pantas, sekaligus membolehkan pengguna laman media sosial ini suatu peluang untuk menjalankan pelbagai bentuk aktiviti. Ini termasuklah berkomunikasi, berkongsi data atau maklumat malah untuk tujuan perniagaan. Laman web media sosial seperti *Twitter*, *Facebook*, *WhatsApp*, *MySpace*, *Viber*, *LinkedIn*, *YouTube* dan sebagainya telah menjadi sebahagian utama kehidupan seharian generasi muda atau remaja.

Laman web media sosial ini juga telah menarik generasi muda dan menjadi lebih berkesan kerana ciri-ciri kos yang rendah dan akses yang cepat (Sinha, Yadav & Kanodia, 2016). Ketika ini, penyebaran internet pada abad ke-21 adalah di seluruh dunia tanpa sebarang cabaran atau batasan kepada masyarakat dunia. Melalui saluran media baru juga, keperluan orang ramai dapat dipenuhi melalui ciri-ciri orang media baharu yang boleh berkongsi aktiviti mereka seperti status, video, atau gambar. Internet pada masa kini mempunyai era keemasan sendiri, dan orang menggunakan sebagai media paling berpengaruh (Jinasena, 2014).

Kajian yang telah dijalankan sebelum ini membuktikan internet dan media sosial juga mendedahkan kepada golongan remaja terhadap informasi yang bersifat negatif. Ia berlaku disebabkan oleh ketiadaan tapisan maklumat yang kukuh, sekaligus membolehkan golongan ini mengakses semua maklumat secara bebas. Keadaan ini diburukkan lagi dengan keadaan sosial sekeliling yang tinggal di kawasan bandar yang disifatkan sempit atau terhad menjadikan golongan ini tertekan dengan keadaan yang menghimpit kehidupan mereka. Walaupun media sosial mampu memberi satu bentuk platform komunikasi sosial yang meluas dan berfaedah, ia mudah terdedah kepada penyalahgunaan sekiranya ia gagal dikawal dan diuruskan secara mampan (Shahrul & Normah, 2015).

#### IMPAK MEDIA SOSIAL

Perkhidmatan rangkaian sosial (SNS) dianggap sebagai perkhidmatan berasaskan web yang membolehkan orang ramai membuat profil awam atau separa umum dalam sistem terhad dengan senarai pengguna lain yang mereka kongsikan (Abdulahi, Samadi & Gharleghi, 2014).

Tapak rangkaian sosial juga digambarkan sebagai perkhidmatan berasaskan web yang memberi orang awam peluang untuk membuat profil peribadi dengan senarai pengguna tertentu, menghubungkan mereka dan mempunyai beberapa ciri seperti perkongsian gambar dan video, membuat panggilan, berbual, sambungan mudah alih dan blog (Khurana, 2015).

Media sosial atau istilah rangkaian sosial merujuk kepada interaksi bermakna dalam kalangan individu yang membolehkan mereka memberi komen, berkongsi dan bertukar-tukar kandungan dalam rangkaian maya dan komuniti (Shahjahan & Chisty, 2014). Semua media sosial, perkhidmatan rangkaian sosial, dan istilah rangkaian sosial digunakan secara bergantian (Evers, Albury, Byron & Crawford, 2013).

Takrifan laman sesawang media sosial pula dilihat sebagai ruang sosial berasaskan internet yang telah direka bentuk untuk perkongsian kandungan dan kerjasama, dan memudahkan komunikasi merentasi rangkaian kenalan (Choudhary & Saha, 2015). Laman media sosial adalah sekumpulan saluran komunikasi dalam talian yang dikhaskan untuk interaksi, kolaborasi, input berasaskan komuniti, dan perkongsian kandungan. Laman media sosial boleh dipertimbangkan sebagai masa depan komunikasi, yang termasuk platform dan alat yang berasaskan Internet yang meningkatkan perkongsian maklumat (Eleuteri, Saladino & Verrastro, 2017).

Impak media sosial tidak hanya memberi kebaikan semata-mata. Dari sisi lain, media sosial juga memberikan kesan negatif khususnya kepada golongan remaja sekiranya disalahgunakan. Senario terbaru yang muncul kebelakangan ini berkaitan media sosial adalah kewujudan aktiviti pembulian siber atau dikenali sebagai *cyberbullying*. Isu ini semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat kerana ia sudah mula memberikan kesan kepada golongan remaja, sehingga ada yang mengambil keputusan untuk membunuh diri. Walaupun kes pembulian siber dalam negara ini tidak begitu serius berbanding dengan negara-negara maju yang lain, namun ia menunjukkan trend peningkatan dari tahun ke tahun.

Menurut artikel berita yang diterbitkan dalam akhbar *The Star Online* yang bertajuk “*On the alert for cyberbullying*” bertarikh 11 April 2017 terdapat sebanyak 300 kes dilaporkan pada tahun 2012, 512 kes pada tahun 2013, 550 kes pada tahun 2014, 442 kes pada tahun 2015 dan 529 kes pada tahun 2016. Keadaan ini jelas membuktikan statistik yang dikeluarkan oleh pihak *Cybersecurity Malaysia* ini menunjukkan trend peningkatan yang membimbangkan, sekaligus menuntut campurtangan dan kerjasama pelbagai pihak bagi membendung masalah ini dari terus berkembang.

Dalam laporan sama juga menunjukkan kes pembulian siber ini banyak melibatkan golongan pelajar sekolah dan universiti berbanding golongan dewasa. Ini kerana, statistik menunjukkan bahawa pada tahun 2012, sebanyak 250 kes dicatatkan pada tahun 2012, 389 kes pada tahun 2013, 291 kes pada tahun 2014, 256 kes pada tahun 2015 dan 338 kes pada tahun 2016.

Lebih membimbangkan, sejumlah 1,524 kes sejak 5 tahun kebelakangan ini menunjukkan pelajar sekolah atau golongan yang disifatkan sebagai remaja ini menjadi mangsa utama. Senario yang membimbangkan ini memberi kesan besar kepada psikologi mangsa seperti menjadi anti sosial, kurang keyakinan diri, serta mempunya kebarangkalian untuk membunuh diri sekiranya tiada sebarang langkah menyelamat dilakukan kepada mangsa.

Justeru, dalam konteks kajian ini, keadaan sosial sekeliling yang padat dan sempit juga banyak mempengaruhi tingkahlaku berkomunikasi dalam kalangan remaja di PPR. Mereka mempunyai kawasan bersosial yang terhad khususnya di rumah dan kawasan sekeliling serta komuniti yang mempunyai mentaliti rendah memberikan kesan kepada cara mereka berkomunikasi khususnya melalui media sosial.

Kini, terdapat stau lagi ancaman penyalahgunaan media sosial yang telah mengakibatkan negara kerugian jutaan ringgit. Aktiviti jenayah cinta siber misalnya semakin menular berlaku dalam kalangan masyarakat dalam negara ini. Dengan adanya laman web sosial seperti youtube,

facebook, bing, tindr dan sebagainya, ia memberi peluang dan ruang kepada si penjenayah untuk meluaskan aktiviti jenayah mereka bukan sahaja dalam negara, malah merentas sempadan.

Statistik *Internet World Stats* tahun 2018 (*Usage and Population Statistics*), melaporkan bahawa seramai 3.023 bilion orang merupakan pengguna media atas talian. Salah satu bentuk jenayah siber yang meningkat di Malaysia adalah jenayah cinta siber. Bukti juga telah menunjukkan golongan remaja dan wanita antara mangsa utama jenayah ini dengan melibatkan kehilangan wang bernilai jutaan ringgit. Whitty dan Buchanan (2015) mentakrifkan jenayah cinta siber sebagai situasi di mana penjenayah berpura-pura menjalinkan hubungan cinta, pemalsuan profil akaun laman sosial, penciptaan identiti baru dengan niat memperdaya mangsa.

Negara ini menjadi pangkalan utama golongan sindiket jenayah ini dan mempunyai rantai meluas di peringkat antarabangsa. Statistik Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, melaporkan wujud peningkatan kes saban tahun bermula dari tahun 2015 sehingga 31 Julai 2018 dengan angka jumlah kerugian yang besar. Buktinya, pada tahun tahun 2018 sehingga 31 Julai 2018, sebanyak 1116 kes direkodkan dengan nilai kerugian sebanyak RM64,295,120.14 (Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM 2018).

Justeru, kebebasan berkomunikasi yang ditawarkan oleh media sosial seringkali membuka ruang dan peluang kepada golongan penjenayah untuk melancarkan penipuan terancang. Akibatnya, golongan wanita dan remaja dalam negara ini kerap kali menjadi mangsa disebabkan kelemahan sistem kawalan internet yang wujud pada ketika ini.

Peningkatan akses terhadap jalur lebar khususnya dalam kawasan Lembah Klang turut sama dikongsi oleh golongan muda khususnya yang tinggal dalam kawasan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Media sosial digunakan oleh remaja khususnya untuk berkomunikasi dengan mudah secara maya dengan kos akses murah yang ditawarkan oleh syarikat telekomunikasi. Ditambah lagi dengan kemampuan memiliki gajet seperti telefon pintar, ia mengubah pola komunikasi yang selama ini secara bersemuka, kepada penggunaan gajet yang lebih interaktif serta melangkaui jangkauan yang lebih luas (Shahrul Nazmi Sannusi & Husna Mohd Ibrahim, 2018).

### KELEBIHAN MEDIA SOSIAL

Laman media sosial memainkan peranan yang berkesan dan utama dalam membuat keputusan dalam proses politik, sosial, pendidikan, dan ekonomi di seluruh dunia (Al-Rahmi & Othman, 2013). Dalam bidang risiko sekarang ini, dan perkembangan sosial dan kognitif, internet menyediakan beberapa peluang dan manfaat untuk pembangunan dan pertumbuhan remaja. Penggunaan laman rangkaian sosial dianggap sebagai aktiviti umum di kalangan remaja dan kanak-kanak yang mempunyai pengaruh positif dalam hal melibatkan ibu bapa mereka ketika mereka mengakses situs-situs tersebut (Undiyaundeye, 2014).

Dalam senario semasa, media sosial memberikan platform perbincangan untuk mengabaikan isu-isu pembakaran, dan ia bermanfaat untuk belia dalam bidang pendidikan serta dalam menentukan norma sosial (Shabir, Hameed, Safdar & Gilani, 2014).

Bagi remaja, menggunakan laman rangkaian sosial dianggap sebagai salah satu aktiviti kegemaran mereka. Di samping komunikasi tatap muka, laman web ini menjadi antara tempat paling penting untuk ekspresi diri, bangunan identiti, sosialisasi, penghubung, dan komunikasi (Eleuteri et al., 2017).

Laman rangkaian sosial mempunyai beberapa faedah untuk individu pada umur yang berbeza, tetapi mereka mempunyai lebih banyak manfaat untuk kanak-kanak dalam hal melibatkan orang dewasa sebagai ibu bapa mereka untuk membimbing penggunaan perisian pendidikan dan mengunjungi laman-laman web ini. Faedah perkembangan kanak-kanak melalui media sosial adalah kemahiran sosial, kemahiran pengiraan, kemahiran literasi, faedah intelektual, faedah kreatif, kesedaran politik dan sosial, dan nilai dan motif (Undiyaundeye, 2014).

Penggunaan media sosial oleh keluarga adalah dengan beberapa cara termasuk untuk maklumat, perbincangan, dokumentasi, sambungan emosi, dan hiburan. Ada juga kemungkinan untuk menggunakan media sosial oleh kedua ibu bapa dan remaja sebagai alat untuk memudahkan penglibatan ibu bapa sama ada melalui mengintegrasikan media dalam proses keluarga mereka, bercakap tentang media, atau dengan menggunakan media bersama (Coyne, Padilla-Walker, Fraser, Fellows & Day, 2014).

Kebanyakan masa, penggunaan laman rangkaian sosial adalah untuk berkomunikasi dengan orang lain seperti saudara-mara dan rakan-rakan terutama mereka yang berkongsi kepentingan atau pemikiran yang sama. Laman-laman sesawang ini juga membenarkan orang ramai melihat perbincangan mengenai topik yang boleh dibahaskan, proses pemikiran, meneroka artikel berita, kemaskini pada alat atau fesyen, dan sebagainya (Sinha et al., 2016).

Laman media sosial adalah platform untuk berkongsi, membuat, bertukar, membincangkan, dan mendapatkan, maklumat dan idea di kalangan orang dalam rangkaian dan komuniti maya (Adaugo, Ovute & Obochi Charles, 2015; Rajeev, 2015; Siddiqui & Singh, 2016). Mereka memudahkan berkomunikasi di kalangan orang di tempat yang berbeza, dan membolehkan mereka berkongsi maklumat, video, foto, fail, menghantar mesej, dan membuat perbualan (Al-Rahmi & Othman, 2013).

Melalui media sosial juga seseorang dapat dengan mudah bertukar perasaan, idea, maklumat peribadi, berbual-bual dan lain-lain (Sinha et al., 2016). Orang ramai menghabiskan masa lama di media sosial untuk mendapatkan hiburan, berbual, terus berhubung dengan rakan-rakan, kemas kini pelayar, dan memuat turun gambar (Khurana, 2015). Di samping berkongsi imej, video, audio, teks, media sosial mempunyai ciri lain seperti mempunyai akses dan sambungan langsung, murah, dan pantas kepada dunia. Penggunaan laman sesawang ini semakin meningkat setiap hari dengan kadar yang tinggi di seluruh dunia (Shabir, Hameed, Safdar & Gilani, 2014).

Media sosial mengintegrasikan interaksi sosial, penciptaan kandungan dan teknologi untuk menyambung maklumat dalam talian secara kolaboratif. Media sosial membenarkan orang untuk menggabungkan, menyusun, mengulas, mengedit, berkongsi kandungan untuk membantu agensi untuk mencapai matlamat misi mereka. Juga, media sosial mempunyai perubahan ketara pada cara interaksi antara orang (Adaugo et al., 2015).

Laman media sosial membolehkan orang ramai dan remaja khususnya mempunyai portal interaksi sosial, komunikasi, dan hiburan. Penglibatan dalam beberapa bentuk media sosial adalah aktiviti rutin yang mempunyai manfaat untuk remaja dan kanak-kanak melalui peningkatan hubungan sosial, komunikasi, dan kemahiran teknikal mereka.

Laman media sosial memberi peluang kepada remaja untuk menyelesaikan tugas-tugas tertentu yang dianggap penting bagi mereka yang menghubungkan keluarga dan rakan-rakan, bertukar idea, berkongsi gambar, dan juga membuat kawan-kawan baru. Media sosial juga menawarkan manfaat yang lebih mendalam bagi remaja melalui memperluas pandangan mereka terhadap diri sendiri, komuniti dan dunia (Undiyaundeye, 2014).

Laman rangkaian sosial mempunyai banyak aktiviti termasuk membentarkan remaja dan remaja individu untuk membina profil awam yang membolehkan mereka berkongsi pandangan, hubungan dengan rakan-rakan dan orang yang tidak dikenali (Choudhary & Saha, 2015). Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kewujudan media sosial memberi orang muda cara baru untuk berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain dan dengan dunia (Shahjahan & Chisty, 2014).

Di samping peranan pendidikan laman media sosial, mereka telah meningkatkan komunikasi dan sambungan, dan mereka dapat meningkatkan keyakinan, memperkuat hubungan, membina jambatan di atas halangan, dan menggalakkan penyertaan masyarakat jika ia digunakan dengan betul (Prabhakararao, 2016).

Sudah pasti bahawa laman media sosial mendapat kebolehgunaan dan penerimaan yang lebih luas dan mungkin menjadi alat komunikasi yang paling penting. Ia telah merapatkan hubungan dengan komunikasi dan mewujudkan cara komunikasi langsung dengan orang lain yang menjadikannya sebagai forum sosial, dan mendapat lebih banyak minat daripada rakyat (Al-Rahmi & Othman, 2013).

Laman rangkaian sosial juga mempunyai beberapa pengaruh positif terhadap belia seperti lebih mudah untuk mewujudkan persahabatan dan berhubung dengan rakan-rakan mereka bila-bila masa, di mana sahaja; membolehkan belia berkongsi pengalaman mereka, bercakap tentang diri mereka, perasaan mereka, dan membantu untuk bergaul antara satu sama lain; menawarkan kelajuan komunikasi dengan orang lain dengan cara teratur (Sinha et al., 2016).

Jika dilihat dalam konteks media sosial dan remaja di kawasan bandar, kajian telah banyak menunjukkan peningkatan akses internet dan media sosial secara jelas memberi pelbagai faedah kepada individu. Selain memudahkan proses komunikasi dan sosialisasi dalam sfera yang lebih meluas dan interaktif, media sosial juga dilihat mampu meningkatkan tahap perekonomian masyarakat melalui aktiviti perniagaan atas talian serta dapat menyediakan informasi yang boleh meningkatkan kesedaran terhadap tingkahlaku prososial.

### TINGKAH LAKU REMAJA

Perbuatan yang mendorong kepada gejala negatif atau melanggar norma atau undang-undang oleh seseorang remaja itu boleh dikategorikan sebagai remaja berisiko. Situasi ini boleh berlaku apabila seseorang remaja itu terdedah kepada persekitaran yang berpotensi untuk menjerumuskan mereka ini terhadap perbuatan yang salah (Ismail, Ghazalli & Ibrahim, 2015).

Selain itu, kategori remaja berisiko juga boleh dikenalpasti melalui sikap atau ciri-ciri yang sukar untuk menerima atau menyesuaikan diri. Keadaan ini boleh dilihat sekiranya remaja itu cenderung untuk terlibat dalam kes-kes disiplin di sekolah mereka (Ismail, Hesam & Mohd. Nor, 2014)

Beberapa kajian yang dijalankan sebelum ini menunjukkan bahawa remaja berumur antara 19-39 tahun menjadi antara golongan majoriti tertinggi yang terlibat dalam gejala salah guna bahan dan ketagihan dadah. Manakala golongan remaja antara 13-18 tahun pula menunjukkan peningkatan ketagihan dadah yang signifikan. Laporan yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2012 menunjukkan sejumlah 2,138 kes melibatkan golongan remaja atau mewakili 9.25 peratus golongan remaja terlibat dalam gejala penagihan dadah di seluruh negara (Laporan Dadah, AADK 2012).

Agensi antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau (WHO) menyatakan bahawa antara golongan yang sangat berpotensi untuk terjerumus ke kancang penagihan dadah di masa akan datang sebahagian besarnya terdiri daripada golongan remaja yang masih bersekolah. WHO juga menyatakan bahawa setiap seorang penagih yang dilaporkan, terdapat 4 lagi penagih yang wujud tetapi tidak dapat dikesan dan juga dilaporkan. Keadaan ini amat mengejutkan jika dilihat berdasarkan statistik penagih dadah yang dikeluarkan oleh AADK pada tahun 2012 adalah sekitar 250,000 orang di seluruh negara. Ini bermakna jumlah gandaan yang wujud dalam situasi ini adalah kira-kira sejuta orang lagi penagih yang tidak dikesan.

Laporan ini juga menunjukkan kebanyakan remaja ini mula mengenali dadah di sekitar usia antara 13 hingga 15 tahun. Kajian lepas yang telah dijalankan juga jelas mendapati peringkat usia awal remaja iaitu 12-16 tahun adalah tempoh peralihan perkembangan yang sangat signifikan tentang risiko penyalahgunaan bahan terlarang (Flight, 2007).

Krank et al. (2011) menjelaskan bahawa di peringkat usia ini, golongan remaja bukan hanya terdedah kepada gejala penagihan dadah, tetapi juga aktiviti negatif lain seperti tembakau, ganja, alkohol dan dadah terlarang yang lain. Sekiranya golongan ini sudah mula didedahkan kepada semula gejala negatif ini, ia bakal memudahkan dan memberanikan lagi untuk mereka mencuba pelbagai bahan terlarang di masa akan datang. Kajian juga menunjukkan sejumlah 40 peratus kebarangkalian boleh berlaku ke atas golongan remaja yang mencapai umur 14 tahun untuk mengambil bahan terlarang apabila mereka mencapai usia remaja dan awal dewasa (Mayes & Suchman, 2006).

Dalam konteks media sosial pula, generasi muda yang dikategorikan sebagai Gen Z di Malaysia merujuk kepada individu yang lahir di antara tahun 1995-2010. Generasi ini dikatakan seolah-olah mempunyai genetik Internet sejak dilahirkan. Ini kerana, mereka lahir sewaktu Internet mula digunakan secara meluas di seluruh dunia. Ia mengubah cara manusia berinteraksi, bekerja dan berkongsi maklumat secara drastik. Kehadiran Web 2.0 yang kemudiannya disusuli dengan penciptaan telefon pintar serta peralatan teknologi komunikasi yang canggih menjadikan fungsi keibubapaan dan pendidikan lebih kompleks dan mencabar.

Aplikasi media sosial yang bersifat interaktif khususnya yang menggunakan teknologi Web 2.0 membolehkan penggunanya untuk memperolehi pelbagai bentuk maklumat di hujung jari mereka. Ini termasuklah audio, teks dan video yang dapat dihasilkan dan dikongsi bersama dengan pengguna aplikasi media sosial yang lain dengan bebas dan tanpa kos (Mohammad Rezal, 2016). Beliau juga turut menyatakan bahawa aplikasi media sosial ini boleh dilihat sebagai platform yang mengintegrasikan pelbagai fungsi interaktif seperti bekerjasama, berkongsi, bebas, terbuka dan penglibatan.

Walau bagaimanapun, ketagihan remaja di laman rangkaian sosial juga menyebabkan mereka hilang tumpuan terhadap tugas dan membuatkan mereka khayal dengan dunia maya yang boleh melemahkan minda dan emosi mereka (Khurana, 2015). Saluran media sosial ini juga bukan sahaja didominasi oleh ramai generasi muda, tetapi juga golongan dewasa dan warga tua yang menggunakan media sosial untuk tujuan gosip, sembang, permainan, masa lapang. Akibat ketagihan menggunakan aplikasi media sosial ini secara berlebihan, ia berpotensi menyebabkan banyak masa yang bermanfaat telah diketepikan (Jinasena, 2014).

Justeru, golongan ibu bapa perlu mengetahui tentang akibat menggunakan media sosial oleh anak-anak yang telah mencecah usia remaja. Ibu bapa harus tahu apakah pilihan utama aplikasi media sosial yang digunakan bagi tujuan pemantauan. Sesetengah remaja cenderung menerima permintaan daripada orang yang tidak dikenali, menghantar permintaan kepada orang asing, dan bertemu dengan orang asing yang mereka kenal melalui saluran media sosial. Di samping itu, beberapa kes remaja telah dibuli atau dikenali sebagai buli siber juga telah berlaku kebelakangan ini akibat kurangnya pemantauan daripada ibu bapa, pihak berkuasa penyedia perkhidmatan internet dan polis (Knowles, Lee, O'Riordan & Lazebnik, 2014).

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan. Tempoh pengumpulan data soal selidik telah mengambil masa sebulan. Data kajian dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif bagi memperoleh data untuk objektif kajian yang pertama iaitu mengenalpasti tahap penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40. Manakala statistik regresi berganda pula digunakan untuk mengukur faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan perumahan rakyat di sekitar Lembah Klang.

Dalam menjayakan kajian ini, sejumlah 244 golongan remaja B40 yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) sekitar Lembah Klang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Mereka terdiri daripada remaja B40 yang berumur dalam lingkungan umur antara 11-25 tahun dan menetap di lokasi perumahan tersebut. Borang soal selidik telah diedarkan secara berperingkat di tiga buah lokasi PPR iaitu Desa Pantai Ria (80 orang), Desa Rejang (80 orang) dan Desa Seri Pantai (84 orang). Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini melibatkan remaja B40 yang berumur antara 11 hingga 25 tahun dan kesemua mereka terdiri daripada remaja B40 yang boleh membaca. Memandangkan kesemua responden boleh membaca dan menulis, maka borang soal selidik telah diisi dan dilengkapkan oleh responden secara sendiri dan diawasi oleh pembantu penyelidik bagi membolehkan mereka bertanya sekiranya terdapat soalan-soalan yang masih tidak difahami. Pendekatan pengumpulan data sebegini dilihat sesuai, lebih selesa dan memudahkan kerja-kerja pengumpulan data dilakukan di ketiga-tiga lokasi kajian.

## HASIL KAJIAN

### *Tahap Penggunaan Media Sosial Remaja PPR*

Secara keseluruhannya, remaja B40 yang tinggal di PPR menunjukkan tahap penggunaan media sosial yang sederhana (70.9 peratus) ke tahap tinggi (15.6 peratus). Hanya 13.5 peratus sahaja remaja B40 di PPR yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan tahap penggunaan media sosial yang rendah dan perlu dipertingkatkan.

Jadual 2: Tahap Penggunaan Media Sosial Remaja B40 (n=244)

Tahap	N=244	Peratus (peratus)	Min
Rendah	33	13.5	
Sederhana	173	70.9	2.64
Tinggi	38	15.6	
<b>JUMLAH</b>	<b>244</b>	<b>100</b>	

Secara terperinci kajian mendapati remaja B40 yang tinggal di PPR mengakui bahawa mereka mendapatkan banyak maklumat melalui saluran media sosial berbanding televisyen (81.6 peratus). Keadaan ini jelas menunjukkan peningkatan penggunaan gajet seperti telefon pintar dalam kalangan remaja secara langsung telah meningkatkan penggunaan media sosial, dan sebaliknya mengurangkan kebergantungan terhadap media konvensional seperti televisyen, radio, akhbar, buku dan sebagainya.

Kajian juga menunjukkan bahawa majoriti remaja B40 menggunakan media sosial untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara dalam talian (58.6 peratus). Keadaan ini jelas menunjukkan majoriti responden berminat melakukan aktiviti keusahawanan khususnya melibatkan dalam talian. Justeru, pihak berkuasa boleh dicadangkan untuk mengadakan program memperkasakan lagi aktiviti keusahawanan dalam talian dengan menawarkan kursus atau bantuan kredit atau dana untuk golongan ini memajukan perniagaan mereka, dalam usaha untuk mengurangkan tahap pengangguran dan meningkatkan pendapatan penduduk dalam kawasan ini.

Manakala sejumlah 63.5 peratus dalam kalangan remaja B40 menafikan bahawa mereka menggunakan media sosial untuk melihat gambar-gambar lucu. Walaupun jumlah yang menonton gambar lucu tidak begitu besar, namun tindakan meningkatkan kesedaran dalam konteks agama perlu dicadangkan untuk golongan ini memandangkan gejala menonton gambar atau video lucu mempunyai pengaruh tinggi terhadap kegiatan tidak sihat seperti sumbang mahram atau hamil luar nikah.

Selain itu, penguatkuasaan undang-undang khususnya berkaitan penapisan kandungan internet juga boleh dicadangkan agar setiap kandungan yang dibaca melalui saluran ini terpelihara dan tidak merosakkan akhlak. Dalam hal ini, pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) boleh memainkan peranan dalam kedua-dua aspek kawalan langsung dan kegiatan kempen kesedaran sosial ini.

Terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak-pihak yang berkepentingan berkaitan dengan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40. Antaranya kajian mendapati sejumlah 45 peratus dalam kalangan mereka mengakui bahawa mereka mudah mempercayai berita yang disebarluaskan melalui media sosial. Perkembangan ini dilihat negatif khususnya dan sejumlah 42.7 peratus dalam kalangan mereka mengakui bahawa mereka banyak menghabiskan masa dengan media sosial berbanding masa yang dihabiskan bersama keluarga.

Keadaan ini memberi impak kepada tahap kesejahteraan keluarga khususnya melibatkan hubungan dengan keluarga. Hal ini juga memerlukan campurtangan pihak berkuasa untuk mengadakan program kesedaran khususnya berkaitan literasi media. Ini kerana, ia bakal memberi impak besar kepada pihak berkuasa khususnya dalam konteks penyebaran berita-berita palsu (*fake news*) atau tidak berasas, yang boleh merosakkan reputasi kerajaan atau individu tertentu.

Jadual 3: Peratusan dan Bilangan Item penggunaan media sosial

Bil	Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
		Penggunaan Media Sosial			
1.	Saya mendapatkan banyak maklumat melalui saluran media sosial berbanding televisyen	18 (7.4)	27 (11.1)	118 (48.4)	81 (33.2)
2.	Saya mudah mempercayai berita yang disebarluaskan melalui media sosial	36 (14.8)	98 (40.2)	76 (31.1)	34 (13.9)
3.	Saya pernah melihat gambar-gambar lucu melalui media sosial	83 (34.0)	72 (29.5)	63 (25.8)	26 (10.7)
4.	Saya menggunakan media sosial untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara atas talian (on-line)	44 (18.0)	57 (23.4)	76 (31.1)	67 (27.5)
5.	Saya banyak menghabiskan masa dengan media sosial berbanding bersama keluarga	46 (18.9)	94 (38.5)	67 (27.5)	37 (15.2)

Berdasarkan analisis regresi berganda yang dijalankan secara *stepwise* dengan menggunakan sampel kajian sejumlah 244 orang remaja B40, Jadual 4 menunjukkan empat faktor yang mempengaruhi penggunaan media sosial dalam kalangan remaja di PPR iaitu tingkah laku prososial, keselamatan persekitaran perumahan, kesihatan seksual dan semangat perpaduan.

Jadual 4: Faktor Mempengaruhi Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Di PPR

Model	R	R2 Terlaras	Perubahan R2	Beta	t	Sig
1 Prososial	.487 <sup>a</sup>	.237	.234	.328	5.225	.000
2 Keselamatan	.545 <sup>b</sup>	.297	.291	.238	3.928	.000
3 Kesihatan Seksual	.582 <sup>c</sup>	.339	.330	.208	3.843	.000
4 Perpaduan	.593 <sup>d</sup>	.352	.340	.135	2.102	.037

Analisis regresi yang dijalankan menunjukkan bahawa tingkah laku prososial [ $F (1,225) = 70.043, p<.05$ ] menyumbang sebanyak 23.7 peratus varians ( $R^2 = .237$ ) terhadap penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40 di PPR. Dalam suasana masyarakat yang tinggal secara berkelompok khususnya dalam kawasan bandar, penyebaran maklumat melalui saluran media sosial menjadi suatu platform paling mudah untuk membantu untuk sebarang aktiviti kemasyarakatan. Berdasarkan keputusan analisis ini, terbukti bahawa tingkah laku prososial mempunyai impak yang besar terhadap kecenderungan golongan remaja ini untuk menggunakan media sosial.

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa faktor tingkah laku prososial ( $\beta = .487, p < .05$ ) merupakan petunjuk utama yang mempengaruhi penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di PPR. Ini memberi maksud bahawa kebanyakan remaja B40 yang tinggal di sekitar Lembah Klang menggunakan media sosial untuk tujuan yang positif. Menurut Babcock, Hartle dan Lamme (1995), tingkah laku sosial merupakan aspek penting dalam pembentukan perhubungan interpersonal yang positif. Ia adalah sebahagian daripada proses interaksi manusia dalam sesbuah masyarakat. Kajian yang dijalankan oleh Fauziah et al. (2016) pula menganggap kemahiran prososial sebagai tingkah laku suka berbuat baik kepada orang sekeliling, suka berkongsi sesuatu perkara dengan orang lain, suka membantu orang lain sekiranya mereka berada dalam kesusahan dan suka membantu orang lain secara sukarela. Definisi ini dilihat selari dengan definisi yang diberikan oleh Ma'rof (2001) yang menganggap tingkah laku prososial sebagai suatu perbuatan menolong, memberi dan mengambil berat yang dilakukan oleh seseorang tanpa ada rasa terpaksa dan bukan kerana ada kepentingan untuk diri mereka sendiri.

Hasil kajian ini juga seterusnya mendapati kombinasi tingkah laku prososial ( $\beta = .396, p < .05$ ) dan keselamatan persekitaran perumahan ( $\beta = .261, p < .05$ ) menyumbang sebanyak 6 peratus perubahan tambahan terhadap penggunaan media sosial. Keputusan kajian ini memberi gambaran bahawa keselamatan persekitaran perumahan merupakan sebahagian faktor yang menyumbang kepada penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40. Ini bermakna, remaja B40 yang menetap di PPR menggunakan media sosial dengan tujuan untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan aspek keselamatan persekitaran perumahan mereka. Isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan merupakan sebahagian daripada topik yang diakses oleh mereka melalui penggunaan media sosial. Keadaan ini berkemungkinan

mempunyai perkaitan dengan keadaan persekitaran perumahan mereka yang dilihat kurang selamat dari aspek keselamatannya. Ini kerana kajian yang dijalankan oleh Nasir et al. (2018) terhadap keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja PPR mendapati sejumlah 64.4 peratus dalam kalangan remaja mengakui bahawa jenayah banyak berlaku di kawasan persekitaran tempat tinggal yang mereka diam di kawasan PPR.

Seterusnya kajian ini juga mendapati faktor kesihatan seksual dan semangat perpaduan turut menyumbang sebanyak 4.2 peratus dan 1.3 peratus varians terhadap penggunaan media sosial. Kombinasi keempat-empat faktor peramal tersebut telah menyumbang sebanyak 35.2 peratus varians terhadap penggunaan media sosial dalam kalangan remaja yang tinggal di PPR. Keputusan kajian memberi maksud bahawa selain faktor tingkah laku prososial dan keselamatan persekitaran perumahan yang dikenalpasti telah menyumbang kepada penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40, faktor kesihatan seksual dan semangat perpaduan juga turut menyumbang kepada penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40. Ini bermakna remaja B40 juga mengakses dan menggunakan media sosial untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kesihatan seksual dan isu-isu yang berkaitan dengan semangat perpaduan.

Secara keseluruhannya, kajian mendapati faktor tingkah laku prososial menyumbang pengaruh yang besar dalam mempengaruhi golongan remaja untuk menggunakan media sosial. Aspek psikososial termasuklah aktiviti yang berkaitan dengan isu-isu bantuan kemasyarakatan, sikap menolong dan membantu orang lain secara sukarela merupakan isu yang menjadi tumpuan terhadap penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40 yang menetap di PPR. Oleh itu, bagi meningkatkan penggunaan media sosial secara positif dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di PPR, maka isu-isu yang dipaparkan dalam media sosial meliputi aspek yang dinyatakan perlu ditapis oleh pihak yang berkepentingan. Paparan dan isu yang positif boleh merangsang dan mempengaruhi perkembangan yang baik dan kehidupan yang positif dalam kalangan remaja B40.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, wujud keperluan dalam kalangan pihak berkepentingan untuk meningkatkan tahap penggunaan media baharu khususnya dalam kalangan remaja B40 yang tinggal di kawasan PPR. Hasil kajian ini menunjukkan golongan remaja B40 yang tinggal di kawasan PPR ini masih berada di tahap sederhana. Melalui hasil kajian ini juga, empat aspek utama iaitu peningkatan kesihatan diri, meningkatkan hubungan kejiranan, mengukuhkan tingkah laku prososial dan memperkasakan semangat perpaduan berupaya dalam melonjakkan semangat perpaduan dalam kalangan remaja.

Justeru, cadangan supaya perlunya mewujudkan jawatankuasa peringkat komuniti, badan bukan kerajaan (NGO) serta pihak kerajaan sendiri sangat diperlukan bagi memastikan komuniti yang tinggal di kawasan PPR ini agar mereka dapat diperkasakan melalui peranan yang boleh dimainkan melalui saluran media sosial. Kejayaan memanfaatkan media sosial khusus untuk komuniti yang tinggal di PPR ini juga dapat membantu kemaslahatan sosial dan ekonomi mereka agar lebih cemerlang di masa hadapan.

#### PENGHARGAAN

Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri melalui kod penyelidikan SK-2016-016. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Pusat Pemerksaan Remaja (PERKASA) dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM serta semua yang telah menjayakan kajian ini.

#### BIODATA

*Shahrul Nazmi Sannusi* is a senior lecturer at the Centre for Media and Communication, Faculty of Social Sciences, Universiti Kebangsaan Malaysia. He specialises in Journalism and Media Studies. Email: nazmy@ukm.edu.my

*Fauziah Ibrahim* adalah pensyarah kanan di Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat (Psitra), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: ifauziah@ukm.edu.my

*Azianura Hani Shaari* adalah pensyarah kanan di Pusat Literasi dan Transformasi Budaya (CLaST), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: azianura@ukm.edu.my

*Nasrudin Subhi* adalah pensyarah kanan di Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat (Psitra), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: nas2572@ukm.edu.my

#### RUJUKAN

- Adham Shadan. (2010). 18 Sms Sehari. *Kosmo*. Diakses pada September 21, 2010, dari [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0911&pub=Kosmo&sec=Infiniti&pg=in\\_01.html](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=0911&pub=Kosmo&sec=Infiniti&pg=in_01.html)
- Agensi Antidadah Kebangsaan* (AADK). (2012). Laporan Dadah Tahun 2011.
- Agensi Antidadah Kebangsaan* (AADK). (2015). Laporan Dadah Tahun 2014.
- Abdulahi, A., Samadi, B., & Gharleghi, B. (2014). A study on the negative effects of social networking sites such as Facebook among Asia pacific university scholars in Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, 5(10), 133-145.
- Adaugo , C. Q., Ovute, A. O. Y., & Obochi Charles, I. (2015). The influence of the social media on the Nigerian youths: Aba residents experience. *Journal of Research in Humanities and Social Science*, 3(3), 12-20.
- Al-Badi, A. H., Al Mahrouqi, S., & Ali, O. (2016). The influence of the internet on teenagers' behaviour in Oman. *Journal of internet social networking and virtual communities*, 1-12.
- Al-Rahmi, W., & Othman, M. (2013). The impact of social media use on academic performance among university students: A pilot study. *Journal of information systems research and innovation*, 4(12), 1-10.
- Choudhary, I. R., & Saha, B. (2015). Impact of Facebook as a social networking site (SNS) on youth generations: A case study of Kolkata City. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 4(6), 28-42.
- Chua Yan Piaw. (2012). *Asas statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn Bhd.
- Coyne, S. M., Padilla-Walker, L. M., Fraser, A. M., Fellows, K., & Day, R. D. (2014). "Media time = family time" positive media use in families with adolescents. *Journal of Adolescent Research*, 29(5), 663-688.
- Eleuteri, S., Saladino, V., & Verrastro, V. (2017). Identity, relationships, sexuality, and risky behaviors of adolescents in the context of social media. *Sexual and Relationship Therapy*, 32(3-4), 354-365.
- Evers, C. W., Albury, K., Byron, P., & Crawford, K. (2013). Young people, social media, social network sites and sexual health communication in Australia: This is funny, you should watch it. *International Journal of Communication*, 7(18), 263–280.
- Fauziah Ibrahim, Sheau Tsuey Chong, Denise Koh Choon Lian, & Juliana Rosmidah Jaafar. (2016). Perbandingan tingkah laku sosial berdasarkan gender antara generasi muda tinggal di kawasan terpinggir dan arus perdana di Malaysia. *Prosiding dalam International Conference on Education and Psychology 2016 (ICEduPsy16)*, Vol. 1, 328-337.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Salina Nen, Azianura Hani Shaari,Nasrudin Subhi, Zaizul Ab Rahman, Shahrul Nazmi Sannusi, & Mohd Nasir Selamat. (2017). Kesejahteraan diri remaja di kawasan perumahan rakyat di Malaysia (Laporan akhir geran penyelidikan perkasa). Bangi: UKM.
- Ismail, R., Ghazalli, M.N & Ibrahim. N. (2015). Not all developmental assets can predict negative mental health outcomes of disadvantaged youth: A case of suburban Kuala Lumpur. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6 (5), 452-461.

- Ismail, R., Hesam H. M., & Mohd. Nor. R (2014). The effect of demographic characteristic to quality of life and happiness in Malaysia. *Research Journal of Applied Sciences, Engineering and Technology*, 7(1), 198-205.
- Jamiah Manap, Mohd Rezal Hamzah, Aizan Sofia Amin, Nurul Nabila Mohd Izani, Fazilah Idris, Salasiah Hanin Hamjah, Noordeyana Tambi, Arena Che Kasim, Norul Huda Sarnon, Salina Nen, Nor Jana Saim. (2016). Penggunaan dan implikasi media sosial terhadap remaja generasi z. *International Conference On Social and Economic Development (ICSED)* (2016), 1-3 November 2016, Universiti Malaysia Terengganu.
- Jamiah Manap, Mohammad Rezal Hamzah, Nurul Nabila Mohd Izani, & Nor Jana Saim. (2015). *The definition of Z Generation: A systematic review*. Simposium Kebudayaan dan Kerjasama Indonesia-Malaysia, Hotel Everly, Putrajaya.
- Jinasena, S. (2014). Social media impact on youth depression. *Sociology and Anthropology*, 2(7), 291-294.
- Johari Hassan, & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid. (2012). Ketagihan penggunaan internet di kalangan remaja sekolah tingkatan 4 di Bandaraya Johor Bahru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6, 23-43.
- Khurana, N. (2015). The impact of social networking sites on the youth. *J Mass Communication Journalism*, 5(12), 1-4.
- Knowles, M., Lee, S. H., O'Riordan, M., & Lazebnik, R. (2014). Risk of social media for teens in an urban setting. *Global Pediatric Health*, 1, 1-4.
- Krank, M., Stewart, S. H., O'Connor, R., Woicik, P. B., Wall, A. M., & Conrod, P. J. (2011). Structural, concurrent, and predictive validity of the substance use risk profile scale in early adolescence. *Addictive Behaviors*, 36(12), 37-46.
- Mayes, L. C., & Suchman, N. E. (2006). Developmental pathways to substance abuse. In D. Cicchetti & D. Cohen (Eds.), *Developmental psychopathology* (pp. 599-619). New York: John Wiley and Sons.
- Ma'rof, R. (2001). *Psikologi sosial*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia Serdang.
- Mohammad Rezal Hamzah. (2016). Faktor peramal tingkah laku kesihatan di media sosial dalam kalangan pelajar di Universiti Awam Malaysia (Tesis PhD., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Mohd Nasir Selamat, Fauziah Ibrahim, Salina Nen, Norulhuda Sarnon, Nasrudin Subhi, Azianura Hani Shaari, Shahrul Nazmi Sannusi, & Zaizul Ab Rahman. (2018). Keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja di kawasan program perumahan rakyat (PPR). *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 14(4), 115-126.
- Normah Mustaffa, Wan Amizah Wan Mahmud, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan Mahbob, & Mohd. Helmi Abd. Rahim. (2013) Kebergantungan internet dan aktiviti online remaja di Lembah Kelang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(1), 199-212.
- Owusu-Acheaw, M., & Larson, A. G. (2015). Use of social media and its impact on academic performance of tertiary institution students: A study of students of koforidua polytechnic, Ghana. *Journal of Education and Practice*, 6(6), 94-101.

- Patton, D. U., Hong, J. S., Ranney, M., Patel, S., Kelley, C., Eschmann, R., & Washington, T. (2014). Social media as a vector for youth violence: A review of the literature. *Computers in Human Behavior*, 35, 548-553.
- Prabhakararao, S. (2016). Overuse of social media affects the mental health of adolescents and early youth. *The International Journal of Indian Psychology*, 3(2), 8-14.
- Rajeev, M. M. (2015). Jobilal. Effects of social media on social relationships: A descriptive study on the impact of mobile phones among youth population. *International Research Journal of Social Sciences*, 4(2), 11-6.
- Senarai IPTA. (n.d.). Retrieved November 27, 2014, from <http://jpt.moe.gov.my/>
- Shabir, G., Hameed, Y. M. Y., Safdar, G., & Gilani, S. M. F. S. (2014). The impact of social media on youth: A case study of bahawalpur city. *Asian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(4), 132-151.
- Shahjahan, A. T. M., & Chisty, K. U. (2014). Social media research and its effect on our society. World academy of science, engineering and technology. *International Journal of Social, Behavioral, Educational, Economic, Business and Industrial Engineering*, 8(6), 2009-2013.
- Siddiqui, S., & Singh, T. (2016). Social media its impact with positive and negative aspects. *International Journal of Computer Applications Technology and Research*, 5(2), 71-75.
- Sinha, M. A., Yadav, M. R. K., & Kanodia, M. R. (2016). Social media: Positive vs negative effect on young generation. *International Journal of Science Technology and Management*, 5(1), 484-491.
- Sohana Abdul Hamid. (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. *Jurnal e-Bangi*, 1(Special Issue, October), 214-226.
- Somia Abdul Same'e, Mokhtar Muhammad, & Mohammad Yaacob (2014). Preferences toward news sources of international news among Malaysian academicians. *The International Conference on Communication and Media 2014 (i-COME'14)*, 18-20 October 2014, Langkawi, Malaysia.
- Shahrul Nazmi Sannusi & Normah Mustaffa. (2015). Akhbar versi digital: Implikasi terhadap trend sirkulasi akhbar bercetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 687-701.
- Shahrul Nazmi Sannusi & Husna Mohd Ibrahim. (2018). Peranan perekonomian media dalam survival penerbitan akhbar berbahasa Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(4).
- Undiyaundeye, F. (2014). Impact of social media on children adolescents and families. *Global Journal of Interdisciplinary Social Sciences*, 3(2), 1-4.